



Bernama.com Pastikan Benar

MENU

BERITA AM

Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff dilantik Timbalan Naib Canselor UMP

Tarikh kemaskini: 05/12/2018

KUANTAN, 5 Dis (Bernama) -- Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Malaysia Pahang Prof Ir. Dr Wan Azhar Wan Yusoff dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor yang baharu bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Dis lalu.

Dalam satu kenyataan di sini, UMP berkata pelantikan Wan Azhar dibuat oleh Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik bagi menggantikan Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus yang tamat tempoh perjawatan.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Seri Daing Nasir Ibrahim berkata pelantikan Wan Azhar dilihat dapat membantu UMP terus cemerlang dan menjadi antara universiti terunggul dalam bidang kejuruteraan dan teknologi di Malaysia dan antarabangsa.

Beliau turut berterima kasih kepada Rosli atas khidmatnya dalam membantu memartabatkan UMP sebagai antara universiti terbaik di Asia.

"Berada di landasan terbaik, UMP perlu memastikan pembentukan kurikulum akademik lebih inovatif dan disokong kakitangan yang kompeten, profesional serta menjadikan infrastruktur akademik lebih efisien berorientasikan keperluan industri dan masyarakat," katanya dipetik oleh kenyataan itu.

Wan Azhar merupakan lulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Michigan Ann Arbor di Amerika Syarikat (AS) serta mempunyai sarjana sains dalam kejuruteraan mekanikal daripada Rensselaer Polytechnic Institute, AS dan Doktor Falsafah (Teknologi Pembuatan Termaju) Universiti Sains Malaysia.

.....